

D942

U B664 BAH  
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAM INI (7 MEI)

MAHATHIR - MUSABAQAH

KUALA LUMPUR, 7 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SIKAP SEDERHANA PENTING DALAM HIDUP BERMASYARAKAT KERANA KEAMANAN, PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN BOLEH DIHANCURKAN OLEH MEREKA YANG BERSIKAP MELAMPAU SERTA TIDAK MEMPERDULIKAN PANDANGAN ORANG LAIN.

SIKAP YANG SEDERHANA SERTA BOLEH MENERIMA PANDANGAN RAKAN MERUPAKAN CARA YANG BAIK UNTUK MEMBINA DAN MEMUPUK PERPADUAN UMAT ISLAM, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PENUTUPAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) DI SINI MALAM INI.

OLEH ITU, PERDANA MENTERI BERKATA UMAT ISLAM HARUS MEMAHAMI KESEDERHANAAN YANG DIKEHENDAKI OLEH ISLAM -- YANG MENEGASKAN KONSEP KESEDERHANAAN DENGAN MENYELURUH MELIPUTI APA JUGA ASPEK KEHIDUPAN.

+DALAM USAHA MENYEBARKAN AJARAN ISLAM, HANYA MEREKA YANG BERSIKAP SEDERHANA DAN TIDAK MELAMPAU SAHAJA YANG MAMPU MEMIKUL TANGGUNGJAWAB ITU,+ TEGASNYA.

MENGENAI TEMA MUSABAQAH, +KESEDERHANAAN MENURUT AL-QURAN+, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KESEDERHANAAN BAGI ATM BUKAN BERMAKNA TIDAK BERPERANG MELAWAN MUSUH DENGAN PENUH SEMANGAT DAN KEKESANAN TETAPI IA BERERTI TIDAK MEMBUAT PERKARA-PERKARA YANG KEJI YANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN PENCAPAIAN MATLAMAT PERJUANGAN. -- LAGI  
2100MST 07 05 86

D947

U B665 BAH  
MAHATHIR - MUSABAQAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+DALAM PEPERANGAN MENENTANG MUSUH ALLAH DAN NEGARA, KITA PERLUKAN KESUNGGUHAN DAN KEGIGIHAN UNTUK MENEWASKAN MUSUH TANPA MEMBENARKAN NAFSU DAN DENDAM MENGUASAI FIKIRAN DAN TINDAK-TANDUK KITA,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA, KESEDERHANAAN JUGA IALAH PENDEKATAN YANG DAPAT MELAHIRKAN SIKAP POSITIF PENGANUT-PENGANUT SEMUA AGAMA KE ARAH MENCAPAI KEJAYAAN KERANA AJARAN DAN NILAI ISLAM BERSIFAT SEJAGAT.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, IA MEMERLUKAN KESUNGGUHAN DAN KEGIGIHAN DARIPADA SETIAP MASYARAKAT ISLAM SEBELUM MEMPEROLEHI KEJAYAAN ITU.

+KETENTUAN DARIPADA ALLAH ITU BERKAIT RAPAT DENGAN DAYA USAHA SERTA TANGGUNGJAWAB MANUSIA DAN KITA UMAT ISLAM DI MALAYSIA HARUS BERSAMA-SAMA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB INI+.

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN BAHAWA +KOR AGAMA ATM YANG AKAN DIADAKAN NANTI DAPAT MENINGKATKAN PERKEMBANGAN KESEDARAN ISLAM DALAM ANGKATAN TENTERA DI SAMPING MENGHINDARKAN AJARAN DAN FAHAMAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AGAMA ISLAM. -- BERNAMA  
2107MST 07 05 86